



MINDEF

AMANAT

MENTERI KANAN
PERTAHANAN

2022



MINDEF

AMANAT

MENTERI KANAN
PERTAHANAN

2022



Disampaikan Oleh :

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

WISMA PERWIRA | 17 JAN 2022



MUKADIMAH

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat, limpah kurnia, izin serta makbulnya, kita sekali lagi dipertemukan dalam Majlis Amanat 2022 pada pagi ini. Majlis yang secara peribadi memang amat saya tunggu-tunggu. Apa tidaknya, sejak saya bergelar MENHAN 2.0 bermula 1 September tahun lalu, inilah kali pertama saya berucap di hadapan anggota ATM dan warga awam MINDEF dalam jumlah yang sebegini ramai.

Lebih bermakna, saya berdiri di hadapan saudara dan saudari atas tujuan yang sangat besar. Saya berucap pada hari ini dengan matlamat yang sangat penting dan jelas. Iaitu untuk berkongsi pandangan, memberitahu perancangan serta memastikan kita semua sebagai satu keluarga besar di MINDEF dan ATM, saling berganding bahu, melangkah sederap ke hadapan dan menuju hala tuju yang sama sepanjang tahun 2022.

Ia sangat penting saudara saudari. Ini kerana, **MINDEF ini Kementerian yang besar. Ia mempunyai 120,000 anggota tetap dan 51,000 anggota simpanan, 10,500 warga awam, 270,000 anak-anak anggota, 204,020 veteran ATM berdaftar, 38 buah sekolah, 5 buah hospital ATM, malah di bawah MINDEF dan ATM juga, terdapat kira-kira 30 juta rakyat Malaysia dan sebuah negara berdaulat yang perlu kita pastikan keselamatan dan keamanannya.**

Suka tidak suka, sebanyak manapun rintangan, sebesar manapun cabaran, setinggi manapun ujian, kita tidak pernah mempunyai pilihan. Melainkan harus kekal fokus, saling bekerjasama rapat serta berusaha dengan seluruh kudrat dan kekuatan demi kepentingan Malaysia yang kita sayangi ini. Apatah lagi di era pandemik yang sarat dengan ketidakpastian ini.

Sebab itu, kalau saudara saudari masih ingat ketika hari pertama saya menjejakkan semula kaki ke Kementerian ini pada 1 September lalu, saya sendiri meminta supaya majlis menyambut ketibaan Menteri diringkaskan. Ini kerana saya mahu segera bertemu kepimpinan tertinggi MINDEF dan ATM. Banyak kerja perlu dibuat. Pelbagai perancangan harus dilaksanakan.

Hari berganti hari, bulan berganti bulan, sedar tidak sedar kita telah pun masuk ke tahun baru. Dan saya pun telah lebih 5 bulan berada di Kementerian ini. Alhamdulillah, bangga untuk saya sebutkan di sini hari ini – kemahiran, keupayaan, kecekalan, ketabahan, tekad dan semangat setiap seorang anggota ATM dan warga MINDEF termasuk saudara saudari di hadapan saya ini tidak sedikit pun berkurang malah lebih baik dari apa yang pernah saya saksikan semasa menjadi MENHAN 1.0 beberapa tahun lalu. Tahniah saya ucapkan!

Sebenarnya bukanlah tujuan utama saya untuk bercakap tentang kejayaan tahun lalu pada hari ini. Namun apabila saya melangkah masuk ke dewan tadi, melihat wajah perwira-perwira negara di hadapan saya ini, terlintas di fikiran saya apa salahnya kalau saya rangkumkan secara sepintas lalu tentang kejayaan tahun lalu sebagai tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada saudara saudari.





SIRI KEJAYAAN PENTING SEPANJANG TAHUN 2021

Secara keseluruhannya, dalam tempoh 5 bulan ini, terdapat beberapa pencapaian utama yang telah kita kecapai bersama. Pertama, penglibatan ATM dalam membantu negara MEMERANGI COVID-19 sangat besar impaknya.

I. COMBAT MEDIC VACCINATION TEAM

lebih 25,000 penduduk pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak telah dapat divaksinasi.

II. VAKSINASI PANDU LALU

Dalam tempoh tidak sampai dua bulan, 14,097 remaja menerima vaksinasi lengkap dan anggota ATM juga menjadi kumpulan pertama yang lengkap divaksinasi 100%.

III. PENGOPERASIAN HOSPITAL MEDAN

8 hospital medan di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Sabah, Serawak dan Labuan telah membantu KKM merawat ribuan pesakit COVID-19.

IV. GREATER KLANG VALLEY TASK FORCE

Oxygen Carrier Team (OSCAR) telah mengangkat, mengisi semula dan menukarganti sebanyak 14,258 silinder oksigen; Rapid Resupply Team (RRT) telah mengedarkan peralatan-peralatan perubatan kritikal seperti katil, Oxygen Concentrators dan Ventilators; Body Management Team (BMT) yang telah membantu mengurus 4,442 mayat pesakit COVID-19.

V. PELAKSANAAN OPERASI BENTENG

Seramai 20,865 pendatang asing tanpa izin berjaya ditangkap setakat 14 Januari 2022

VI. PENERBANGAN BANTUAN OLEH TUDM

Puluhan penerbangan bantuan bagi membawa peralatan perubatan COVID-19 khususnya ke Sabah dan Sarawak serta Semenanjung telah dilaksanakan.



KEDUA, DARI SUDUT **KEBAJIKAN**

MINDEF dan JHEV telah menyediakan sebanyak 25,000 bakul makanan bagi membantu veteran ATM yang terkesan akibat wabak COVID-19.



KETIGA DARI SUDUT
**DIPLOMASI
PERTAHANAN**



Saya telah berhubung dengan ramai rakan sejawat termasuk Brunei, Australia, Singapura, China, Indonesia, Kemboja, Filipina, United Kingdom, Amerika Syarikat, Arab Saudi dan Perancis. Hubungan kita dengan banyak negara juga telah dapat diperkukuh termasuk 3 melalui 11th FPDA Defence Minister's Meeting; ASEAN Defence Ministers' Meeting dan Manama Dialogue.



KEEMPAT, BERKAITAN **BANJIR**

Menerusi OPERASI MURNI, ATM telah berjaya memindahkan seramai 32,661 mangsa ke kawasan selamat, membantu mempercepatkan pengagihan barangan asas dan makanan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS); membina 2 buah Jambatan Bailey dengan kerjasama agensi awam di Hulu Langat Selangor dan Jelevu Negeri Sembilan; serta membantu KKM tangani COVID-19 di PPS.

Secara keseluruhannya, KPI 100 hari yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri kepada MINDEF telah dapat dicapai dengan cemerlang. Malah lebih membanggakan, MINDEF telah dinobatkan sebagai pemenang anugerah booth terbaik bagi pameran Aspirasi 100 hari di KLCC. Tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada saudara saudari!

Kini dalam melangkah ke hadapan, Kabinet telah menetapkan KPI untuk tempoh 6 bulan seterusnya. Namun sebenarnya kita di MINDEF telah memikirkan lebih dari itu. Kita telah menetapkan KPI untuk tempoh setahun yang mendatang. Bagi saya, pencapaian 100 hari akan kekal dalam lipatan sejarah kejayaan MINDEF. Namun apa perancangan kita yang seterusnya? Inilah yang lebih penting.



PERANCANGAN

BAGI TAHUN 2022

PERANCANGAN BAGI TAHUN 2022

Untuk tahun 2022, kita telah pun mempunyai perancangan yang rapi di bawah Pelan Tindakan 2022 atau PT22. Saya tahu saudara saudarilah, tidak kira yang berceloreng hijau, biru, putih mahupun yang memakai baju biasa sebagai warga MINDEF serta pemain industri - setiap seorang telah terlibat secara langsung dalam menggubal PT22 ini.

Malah, saya masih ingat, selepas kita semua berkumpul di Kem Sungai Besi bagi bersama-sama meraikan kejayaan memenuhi KPI 100 hari, keesokkannya tanpa membuang masa kita kembali ke bengkel, duduk semeja berbincang dan bertukar pandangan bagi memuktamadkan perancangan di bawah PT22 ini.

Saya sendiri hadir ke bengkel berkenaan dan kalau saudara saudari masih ingat, di dalam dewan dan di atas pentas inilah juga, saya telah menegaskan bahawa saya mahu setiap dasar-dasar di MINDEF dan ATM diselaraskan dan diambil kira sebelum kita memuktamadkan sebarang perancangan di bawah PT22.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai Strategi Ketenteraan Negara 2.0; Tentera Darat Malaysia (TDM) ada Army4NextG; Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ada Program Transformasi 15 to 5; Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ada CAP55. Selain itu, kita juga ada Kertas Putih Pertahanan; MINDEF sendiri juga ada Pelan Strategik MINDEF 2021-2025; dan ditambah pula dasar-dasar sokongan seperti Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN), Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP) dan Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN).

Amat penting untuk setiap dasar ini dipakejkan bersama dan inilah sebabnya kita telah mengadakan pertemuan beberapa kali sebelum ini. Iaitu untuk bersama-sama mempunyai perancangan, hala tuju dan matlamat yang selari seterusnya menentukan lapan (8) Teras di bawah PT22.

Hari ini, kelapan-lapan Teras tersebut telah dimuktamadkan. Kalaupun saya tidak sebutkan di sini hari ini, saudara saudari sepatutnya sudah tahu dan berbangga bahawa PT22 merupakan **hasil buah fikiran, cadangan, pandangan, pertimbangan saya, Dato' Seri KSU, Panglima Angkatan Tentera dan saudara saudari semua.**

LAPAN (8) TERAS TERSEBUT MERANGKUMI

- **KEBAJIKAN**
- **KESIAGAAN DAN KEUPAYAAN**
- **KERJASAMA PERTAHANAN ANTARABANGSA**
- **PEMERKASAAN VETERAN ATM**
- **KOMPETENSI PERTAHANAN**
- **KERJASAMA AWAM-TENTERA**
- **INDUSTRI PERTAHANAN NASIONAL**
- **KESIAGAAN TERHADAP KRISIS BERSKALA BESAR**

KEBAJIKAN

Dari kelapan-lapan teras ini, bagi saya secara peribadi, **KEBAJIKAN** merupakan antara teras paling penting. Saya ini bukan baru di MINDEF dan ATM. Kalau saudara saudari kenal MENHAN yang berdiri di hadapan ini, memang sejak saya Menteri Pertahanan sebelum ini lagi, aspek kebajikan sentiasa amat dekat di hati saya. Sebab itulah, hari ini saya ingin membuat beberapa pengumuman penting.

Pertama, berkaitan aspek PERUMAHAN. Dahulu sepanjang tempoh lima tahun bermula tahun 2013 hingga 2018, saya telah menjelajah ke hampir semua kem di seluruh negara. Dan kali ini, tidak sampai setengah tahun bergelar Menteri Pertahanan sekali lagi, saya telah turun ke beberapa kem di Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor dan terbaru Sabah.

Tanyalah kepada sesiapa sahaja yang mengiringi saya ke kem-kem berkenaan, tiada satupun kem yang saya lawati yang saya tidak bertanya tentang keadaan kediaman anggota di kem berkenaan. Malah kebanyakan kem yang saya lawati, saya pergi terus ke RKMAT yang ada di sana.

Mengapa agaknya saya amat menitikberatkan soal kediaman? Kerana di sinilah tempat perwira negara berehat selepas berpenat lelah demi keamanan negara. Di sinilah perajurit yang sangat saya hormati membesarkan anak-anak mereka. Di sinilah juga mereka meluangkan masa dengan pasangan masing-masing yang turut banyak berkorban demi kepentingan tanah air. Biarpun kediaman bukan real weapon yang akan membantu ATM dalam peperangan, namun disinilah sumber moral, semangat dan kekuatan untuk mereka terus menyumbang khidmat bakti dengan sebaiknya.

Sebagai Menteri Pertahanan, tidak mungkin saya tergamak untuk membiarkan mereka terus tinggal dalam kediaman yang serba kekurangan dan terbeban dengan masalah perumahan. Di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur ini misalnya, saya tahu masih ramai anggota terpaksa menyewa di luar dengan kos sewaan yang tinggi serta melebihi elaun perumahan yang mereka terima.

Saya akui yang saya amat tersentuh semasa YAB Perdana Menteri melancarkan 2,000 unit RKMAT di Bukit Jalil dua bulan lalu - apabila melihat sendiri ramai anggota tidak putus-putus mengucapkan terima kasih kepada saya dan Perdana Menteri kerana membantu mereka mendiami kediaman baru yang serba lengkap dan tanpa kos sewaan. Ini termasuklah Koperal Salva yang telah bertahun terpaksa membayar sewa tempat tinggal yang agak tinggi dan membebankan.

Saya tahu, bukan sahaja RKMAT, malah usaha menyediakan kediaman kepada warga ATM termasuk veteran turut dilaksanakan menerusi beberapa lagi inisiatif yang dimulakan sejak saya Menteri Pertahanan sebelum ini lagi. **Ini termasuklah Program Satu Rumah Satu Anggota (SASaR), Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM dan Projek Jiwa Murni.**



Namun dalam aspek kebajikan apatah lagi perumahan, tiada istilah berpuas hati bagi Menteri Pertahanan saudara saudari ini. Selagi ada ruang, saya akan pastikan agenda perumahan dilaksanakan secara lebih menyeluruh demi memastikan lebih ramai anggota dan warga awam MINDEF dapat mendiami kediaman yang selesa, selamat dan terjamin. Tidak kiralah anggota yang bertugas di perbatasan mahupun anggota dan warga MINDEF yang bertugas di pejabat - setiap seorangnya penting dan akan dibela kebajikannya.

Sehubungan itu, **hari ini sukacitanya saya ingin maklumkan bahawa saya telahpun mengarahkan supaya Blueprint Perumahan 3.0 MINDEF dilaksanakan.** Saya percaya, selepas Blueprint Perumahan 1.0 dilancarkan pada tahun 2017 dan diikuti Blueprint Perumahan 2.0 pada tahun 2019, sudah tiba masanya pula Blueprint Perumahan 3.0 dimulakan pelaksanaannya.

Untuk pengetahuan saudara saudari, bukan sedikit jumlah rumah yang akan dibina. **Di bawah Blueprint Perumahan 3.0, sebanyak 12,000 unit RKMAT baru bakal dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 dan ke-13. Dan bagi tahun 2022 sahaja, dijangka 7 projek pembinaan RKMAT akan siap pada tahun 2022 meliputi 6 negeri iaitu Kedah (RKMAT Tok Jalai), Perlis (RKMAT Kem Oran), Kelantan (RKMAT Kem Tumbi), Johor (RKMAT Segamat), Sarawak (melibatkan 2 kem iaitu RKMAT Pakit dan RKMAT Miri) dan Pahang (RKMAT Kem Bera).**

Tidak sekadar itu, saya juga ingin mengumumkan bahawa lebih banyak rumah di bawah **Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) akan dibina.** Tiga lokasi telah dikenal iaitu di Kem Transmitter Sungai Besi, Kem Wardieburn, Setapak dan Kem Genting Klang. Malah, projek SASaR di Kem Transmitter Sungai Besi telah bermula pada 1 Jun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2025.

Bagi veteran ATM pula, saya ingin umumkan bahawa untuk tahun 2022, sebanyak RM2.59 juta telah diperuntukkan bagi membaik pulih dan membina baharu kira-kira 100 buah rumah veteran ATM menerusi Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM yang dahulunya dikenali sebagai 1Malaysia Veteran Home Repair Programme (1MVHRP).

Dan dalam masa yang sama, pada tahun ini juga, sebanyak 275 Projek Jiwa Murni dijangka dilaksanakan di Semenanjung Malaysia yang turut akan memanfaatkan lebih ramai veteran ATM.

Justeru pesan saya kepada seluruh anggota, warga awam MINDEF serta veteran, jangan bimbang. Selagi saya Menteri Pertahanan saudara dan saudari, selagi itulah aspek perumahan akan diberi perhatian tertinggi. InsyaAllah.

7 PROJEK PEMBINAAN RKMAT AKAN SIAP PADA 2022

- ✓ RKMAT TOK JALAI, KEDAH
- ✓ RKMAT KEM ORAN, PERLIS
- ✓ RKMAT KEM TUMBI, KELANTAN
- ✓ RKMAT SEGAMAT, JOHOR
- ✓ RKMAT PAKIT, SARAWAK
- ✓ RKMAT MIRI, SARAWAK
- ✓ RKMAT KEM BERA,

12,000

UNIT RKMAT BAHARU

Bakal Dibina



Perkara kedua yang masih di bawah agenda **KEBAJIKAN** ini jarang saya sentuh secara terbuka. Namun itu tidak bermakna saya tidak ambil peduli. Hari ini saya ingin suarakannya kepada umum **tentang tabung persaraan yang diuruskan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)**.

Saya faham, selain pulangan ke atas caruman yang dibuat di LTAT, perkara lain yang sama penting ialah pemeliharaan caruman dan tabung persaraan (fund preservation) saudara saudari. Pembayaran dividen adalah ibarat hadiah tahunan yang berupaya menyuntik semangat saudara saudari dalam menjalankan tugas. Tetapi tidak ramai yang sedar bahawa kita juga perlu wujudkan satu mekanisme supaya dalam apa jua situasi dan cabaran ekonomi, tabung yang akan dipulangkan pada hari persaraan saudara dan saudari akan kekal dan tidak susut nilainya.

Justeru, sebagai Menteri Pertahanan, saya percaya, sudah tiba masanya simpanan persaraan anggota ATM yang teramat besar jasa dan pengorbanannya kepada tanah air dijamin kerajaan sepenuhnya. Kita tahu, caruman-caruman di bawah KWSP dan KWAP, tabung persaraan pekerja dan penjawat awam semuanya dijamin kerajaan. Begitu juga tabung simpanan di Tabung Haji dan PTPTN. Sebagai wira dan wirawati negara, tiada sebab mengapa tabung saudara saudari tidak boleh mendapat layanan yang sama.

Justeru, hari ini, sukacitanya saya ingin umumkan, buat pertama kali sejak hampir 50 tahun LTAT mula diwujudkan, tabung persaraan yang diuruskan di LTAT akan dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Untuk makluman, saya sendiri sudah bentangkan cadangan dasar pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera di Mesyuarat Kabinet minggu lepas dan Kabinet telah memberi kelulusan secara prinsip. Langkah seterusnya, ia akan dibawa ke parlimen untuk dipinda pada tahun ini juga. Saya akan beri perhatian penuh kepada cadangan pindaan ini sehingga ia lulus dan dilaksanakan. Ini jaminan saya!

Insyallah, apabila pindaan ini dilaksanakan, ia bukan sahaja akan memelihara tabung persaraan saudara dan saudari, tetapi juga akan membolehkan LTAT terus memacu agenda transformasi mereka. Kepada kepimpinan LTAT yang ada di sini, teruskan usaha ini supaya pelaburan yang dilaksanakan oleh LTAT memenuhi keperluan dan amalan terbaik semasa dan dapat memberi pulangan yang stabil, kompetitif dan mampan sepertimana institusi persaraan yang lain.




Selain dua pengumuman besar sebentar tadi, penting juga untuk saya umumkan hari ini beberapa lagi inisiatif kebajikan yang akan dilaksanakan tahun ini:

INISIATIF TERAS KEBAJIKAN

PELAN TINDAKAN 2022

- ✓ **MENAMBAH SPECIALIST OUTREACH CLINIC DI KAWASAN PENDALAMAN**
bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapatkan rawatan kesihatan yang terbaik.
- ✓ **BERUSAHA MEMASTIKAN KADAR DIVIDEN LTAT MEMUASKAN**
Ini agenda peribadi saya untuk membela kebajikan anggota ATM terutama di era pandemik yang amat mencabar ini.
- ✓ **MELAKSANAKAN PEMBINAAN 5 POLIKLINIK BAHARU MENJELANG TAHUN 2024**
bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan untuk anggota dan veteran ATM.



KESIAGAAN & KEUPAYAAN

Sebentar tadi kita telah menyentuh soal perumahan, caruman LTAT serta beberapa lagi inisiatif kebajikan yang sangat penting dalam memelihara moral dan semangat anggota. Namun dalam soal keselamatan, moral dan semangat sahaja tidak mencukupi. Kita tetap memerlukan aset bagi mengekalkan KESIAGAAN DAN KEUPAYAAN ATM.

Di pihak ATM, ketiga-tiga cabang perkhidmatan sememangnya telah mempunyai perancangan mereka yang jelas dan tersendiri. Justeru, saya ingin maklumkan, bahawa pada tahun 2022 ini, TDM, TLDM dan TUDM bukan sahaja akan

melaksanakan penerimaan aset-aset baharu tetapi juga memulakan perancangan untuk mendapatkan aset pada tahun-tahun mendatang.

Bagi memperkukuh keupayaan TDM, untuk tahun ini sahaja, ATM akan melaksanakan beberapa perolehan aset baru. Ini termasuklah:

- i) 7 unit Kereta Kebal PENDEKAR bermula Januari
- ii) 31 unit Kenderaan Perisai 8x8 GEMPITA bermula Januari

Bagi memperkukuh keupayaan TLDM:

- i) LMS 4 iaitu RENCONG akan ditauliah pada 28 Januari ini sekaligus menjadikan kesemua 4 buah LMS Batch Pertama telah selesai diterima dan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
- ii) Memulakan perancangan khusus bagi melaksanakan perolehan 8 buah LMS baru menerusi Batch Kedua.
- iii) TLDM akan menerima 3 buah pesawat AW 139 atau Helikopter Operasi Maritim (HOM) TLDM daripada Itali bermula Mac.

Bagi memperkukuh keupayaan TUDM pula:

- i) Meningkatkan Keupayaan Maritime Surveillance Aircraft (MSA) ke atas 3 Pesawat CN235-200.
- ii) Meningkatkan keupayaan F/A18D melalui program Service Life Extension Program (SLEP).
- iii) Meningkatkan keupayaan Airbus A400M melalui pendekatan Retro fit New SOC 2.5.





✓ **4 UNIT**

LMS Batch Pertama telah selesai diterima dan dimanfaatkan sepenuhnya.

✓ **7 UNIT**

Kereta Kebal *PENDEKAR* bermula Januari

✓ **MSA**

Meningkatkan Keupayaan *MARITIME SURVEILLANCE AIRCRAFT (MSA) KE ATAS 3 PESAWAT CN235-200*

✓ **8 UNIT**

Perolehan *LMS BAHARU* menerusi Batch Kedua.

✓ **31 UNIT**

Kenderaan Perisai 8x8 *GEMPITA* bermula Januari

✓ **SLEP**

Meningkatkan keupayaan F/A18D melalui program *SERVICE LIFE EXTENSION PROGRAM (SLEP)*.

✓ **3 UNIT**

PESAWAT AW 139 ATAU *HELIKOPTER OPERASI MARITIM (HOM) TLDM* daripada Itali bermula Mac.

✓ **SOC^{2.5}**

Meningkatkan keupayaan Airbus A400M melalui pendekatan Retro fit New SOC 2.5.



Saya juga faham, ramai yang ingin tahu hala tuju projek-projek tergendala. Pertama perolehan Littoral Combat Ship (LCS). Ini sememangnya menjadi keutamaan saya sejak hari pertama masuk ke MINDEF. Selaras dengan agenda Kertas Putih Pertahanan, sejajar dengan Program Transformasi 15 to 5, dan demi kepentingan end user kita iaitu TLDM, **perancangan ke hadapan adalah menyediakan opsyen Pelan Pemulihan Projek LCS, mengadakan perbincangan bersama MOF dan perbentangan kepada Kerajaan Pelan Pemulihan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Saya bersama KSU juga akan menghadap Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak lama lagi bagi menjelaskan secara terperinci perancangan kita berkaitan LCS. Saya beri jaminan bahawa tiada apa yang hendak disembunyikan.**

Ia juga amat penting kerana kegagalan meneruskan projek perolehan ini bukan sahaja akan beri impak negatif kepada keselamatan dan kedaulatan negara tetapi juga kesan domino kepada rangkaian ekonomi. Selain daripada 400 firma tempatan dan lebih 8,000 pekerja tempatan yang akan terjejas, yang lebih merisaukan saya adalah kegagalan projek ini akhirnya akan menyebabkan kesusutan nilai tabung persaraan di LTAT sehingga lebih RM2 bilion.

Sebab itu sebelum kita membiayai pemulihan projek ini, saya mahu pihak-pihak berkuasa meneruskan penyiasatan dan mengambil tindakan ke atas salah urus dan penyelewengan yang berlaku pda masa lalu yang menyebabkan projek ini gagal dilaksanakan.



Keduanya perolehan Helikopter MD530G bagi kegunaan Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD). **Saya telah dimaklumkan oleh pihak Tentera Darat bahawa kesemua 6 buah MD530G akan berlepas daripada Amerika Syarikat menggunakan jalan laut esok.** Sebaik sahaja aset ini tiba, saya akan pastikan ia terus dimanfaatkan demi memelihara keselamatan Pantai Timur Sabah.

Bagi perancangan masa hadapan, saya selalu sebut bahawa ia banyak bergantung kepada situasi ekonomi dan kemampuan kewangan negara. Apatah lagi di era pandemik ini, perbelanjaan negara banyak tertumpu kepada usaha memulihkan negara dari kesan penularan COVID-19. Namun itu tidak sesekali bermakna kita akan abaikan aspek keselamatan negara.

Antara pendekatan yang akan digunakan ialah **memperluaskan lagi kaedah sewaan seperti mana yang digunakan oleh TUDM sebelum ini untuk menambah lagi aset yang mereka perlukan. Dan kemungkinan akan turut diperluaskan** untuk TDM khususnya PUTD. Ini merupakan pendekatan luar kotak yang bukan sahaja menjimatkan kos malah memastikan ATM dapat meningkatkan keupayaan melalui aset yang diperlukan.

Jadi, saya tidak menolak kemungkinan MINDEF dan ATM akan melihat kaedah sewaan ini sebagai salah satu jalan ke hadapan untuk aset-aset yang boleh diperolehi secara pantas tanpa perlu tunggu bertahun untuk pihak industri membangunkan aset baru. Jika aset tersebut ada, jika kewangan kita mengizinkan dan paling penting jika end user memerlukannya, kita perlu melangkah ke hadapan dengan perancangan perolehan menggunakan kaedah sewaan pada skala lebih besar.





DIPLOMASI PERTAHANAN

Seperti saya jelaskan banyak kali sebelum ini, biarpun perancangan memiliki aset-aset baru terus dilaksanakan, tidak bermakna kita boleh mendabik dada dan menangani ancaman secara bersendirian. Ancaman keselamatan di sempadan dan perairan yang luas terutamanya, ia memerlukan usahasama jitu antara rakan negara khususnya negara jiran sekitar ASEAN melalui **DIPLOMASI PERTAHANAN**.



DIPLOMASI PERTAHANAN ANTARABANGSA

GBC MALINDO

Mengadakan semula
GBC MALINDO pada Februari.



Menganjurkan
DSA 2022 PADA MAC.

TCA

**TRILATERAL COOPERATIVE
ARRANGEMENT (TCA)**
akan dipertingkat ke peringkat
Menteri Pertahanan Malaysia,
Indonesia dan Filipina.



Mengadakan
**55TH GENERAL BORDER
COMMITTEE MALAYSIA-THAILAND**
pada Mac.



INDONESIA

Malaysia dan Indonesia bakal
memeterai **MoU KERJASAMA
PERTAHANAN MENYELURUH.**




PERANCIS

Menerima **KUNJUNGAN
MENTERI PERTAHANAN
PERANCIS** pada 23 Januari.

Saya baru sahaja pulang dari Sabah beberapa hari lepas dan mendengar sendiri laporan dari ESSCOM dan ATM Sabah berhubung situasi keselamatan di sana. Alhamdulillah terkawal namun cepat berpuas hati akan menjerat diri kita sendiri.

Atas sebab itu, beberapa pendekatan akan dilaksanakan:

- i) Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) yang sedang berjalan sekarang akan dipertingkat ke peringkat Menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia
- ii) dan Filipina. Saya akan ke Surabaya, Indonesia 27 Januari ini bagi bertemu rakan sejawat dari dua negara tersebut bagi berbincang mengenainya.
- iii) Mengadakan semula mesyuarat General Border Committee Malaysia- Indonesia (GBC MALINDO) pada Februari ini di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah.
- iv) Mengadakan 55th General Border Committee Malaysia-Thailand pada Mac.
- v) Malaysia dan Indonesia bakal memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) kerjasama pertahanan menyeluruh yang akan menjadi yang pertama di antara kedua-dua negara.
- vi) Menerima kunjungan Menteri Pertahanan Perancis pada 23 Januari.
- vii) Menganjurkan DSA 2022 pada Mac yang akan membolehkan saya, Ketua Setiausaha, Panglima Angkatan Tentera bertemu rakan sejawat masing- masing. Malah, ramai pemain industri akan hadir dari seluruh dunia. Saya Menteri COVID-19. Saya faham risikonya terutama penularan varian Omicron. InsyaAllah, jika diizinkan acara ini berlangsung kelak, ia akan dianjurkan secara selamat dengan SOP yang ketat.





MEMPERKASA VETERAN ATM

Satu lagi agenda yang saya anggap paling penting ialah **MEMPERKASA VETERAN ATM**. Mereka ini golongan yang terlebih dahulu berjasa besar kepada negara. Malah, ada antara mereka yang terlibat dengan pertempuran sebenar sehingga terkorban atau mendapat kecacatan kekal. Saya sedar, ia tidak akan dapat ditukar ganti dengan apa jua balasan setimpal.

Namun, saya tidak akan sesekali berdiam diri dan mensia-siakan veteran ATM begitu sahaja. Selagi saya Menteri Pertahanan, veteran ATM akan terus menjadi antara matlamat utama terutama dalam konteks kesejahteraan. Atas sebab itu, saya telah arah Timbalan Menteri Pertahanan untuk melihat secara menyeluruh berhubung masalah, harapan dan keperluan veteran ATM di seluruh negara

Yang terdekat ini, **saya ingin maklumkan bahawa MINDEF dan ATM sedang berusaha untuk mendapatkan Elaun Kenangan Pingat Jasa Malaysia**. Biarpun belum ada keputusan muktamad mengenainya, namun penting untuk saya maklumkan bahawa perbincangannya mengenainya amat positif dan YAB Perdana Menteri turut menyuarakan sokongan.





PESANAN KEPADA WARGA MINDEF DAN ATM

Sebenarnya banyak lagi perancangan yang telah disusun di bawah empat lagi Teras namun dalam tempoh singkat ini tidak sempat untuk saya senaraikan semuanya. Tidak mengapalah, saya akan maklumkannya dari masa ke masa. Yang paling penting sekarang adalah pelaksanaan. Perancangan yang cantik di atas kertas sahaja tidak mencukupi. Ia mesti mampu diterjemahkan dan manfaatnya dirasakan oleh setiap golongan sasaran. Atas sebab itu, hari ini, saya ingin mengingatkan beberapa perkara kepada saudara saudari:

Pertama: setiap bahagian dan unit di Kementerian ini mesti mengukuhkan kerjasama antara satu sama lain. Jangan ada istilah bekerja secara silo. Walaupun memakai uniform berbeza, hati kita mesti bersatu, langkah kita mesti selari dan matlamat kita mesti sama iaitu demi kepentingan keselamatan negara.

Kedua: pihak industri yang ingin terus bekerjasama dengan MINDEF dan ATM perlu pastikan keutamaannya adalah demi pertahanan tanah air, kebajikan dan kepentingan warga ATM, MINDEF dan veteran. Jika ingin bekerjasama dengan MINDEF dan ATM demi keuntungan dan wang ringgit semata-mata, saya hendak beritahu, ini bukan tempatnya.

Ketiga, sentiasa letakkan negara sebagai kepentingan tertinggi dalam melunaskan setiap tanggungjawab yang diamanahkan. Jujur dan amanahlah dalam bertugas dan bekerja. Bersamalah kita berusaha supaya tiada unsur ketirisan dan rasuah dalam menjayakan setiap inisiatif.




“

Pihak industri yang ingin terus
bekerjasama dengan MINDEF dan ATM perlu

PASTIKAN KEUTAMAANNYA ADALAH DEMI PERTAHANAN

tanah air, kebajikan dan kepentingan warga ATM,
MINDEF dan veteran.



Hishammuddin Hussein
Menteri Kanan Pertahanan

PENUTUP

Tugas dan amanah yang diletakkan di atas bahu kita amat besar dan berat. Kesemua ini tidak mungkin dapat kita lakukan secara bersendirian melainkan kita saling bekerjasama antara satu sama lain.

Justeru saudara saudari, pada hari ini, di dalam dewan ini dan di hadapan antara satu sama lain - marilah kita bersama-sama membulatkan tekad. Marilah kita bersama-sama mengikat janji. Marilah kita bersama-sama melafazkan ikrar. Marilah kita bersama-sama bangkit saudara saudari.

Kita pastikan MINDEF dan ATM terus cemerlang prestasinya. Kita pastikan keselamatan negara terus dipelihara. Kita pastikan kedaulatan negara terus dipertahankan. Kita pastikan anak cucu kita cerah masa depannya. Dan kita pastikan Malaysia terus menjadi milik kita buat selamanya.

Diuji tidak berundur, Dicabar tidak mengalah, Ditentang tidak gentar. Walau apa jua rintangan, perjuangan MINDEF untuk negara tetap kita gagahkan!"

Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.







Terbitan:

PEJABAT
MENTERI KANAN
PERTAHANAN